

SIARAN AKHBAR

PEKERJA BINAAN MAUT, KONTRAKTOR PROJEK KL ECO CITY LINK BRIDGE DI DENDA RM250,000

KUALA LUMPUR, 4 MAC: Tuck Sin Engineering & Construction Sdn Bhd kontraktor bagi projek KL Eco City Link Bridge yang runtuh dan mengorbankan seorang pekerja ketika sedang dalam pembinaan pada 30 November 2016, didenda sebanyak RM250,000 beserta kos hari ini.

Hukuman tersebut telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, Tuan Harmi Thamri Bin Mohamad @ Shahrudin berikutan kontraktor berkenaan didapati bersalah terhadap pertuduhan dibawah seksyen 34 D (1) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520).

Perbicaraan yang berlangsung selama 14 hari dan melibatkan 18 orang saksi itu mendapati kontraktor tersebut gagal dalam memastikan keselamatan di tapak bina dan melanggar kewajibannya hingga menyebabkan seorang daripada pekerja binaannya maut. Pasukan pendakwaan CIDB diketuai oleh Tn Hj Abdul Razak Husin.

Dalam kejadian yang berlaku sekitar 3.30 petang itu mangsa, Tran Xuan Vang yang merupakan warganegara Vietnam ketika itu bersama lima lagi rakan sekerjanya sedang menjalankan kerja-kerja pemasangan “facade” pada struktur jejantas tersebut sebelum struktur berkenaan jatuh dan menghempap mereka. Tran Xuan Vang mati di tempat kejadian sementara lima lagi mangsa lain hanya cedera parah.

Kes melibatkan runtuh struktur jejantas pejalan kaki yang sedang dibina di tapak projek ‘Cadangan Membina Sebuah Jejantas Pejalan Kaki Yang Menghubungkan Dari Aras 1, Blok Perniagaan 4 Tingkat Ke Paras Jalan Lingkaran Syed Putra Di Atas Sebahagian Tanah Kerajaan (PT22), Seksyen 95A Kampung Haji Abdullah Hukum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur’.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia Dato’ Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid menegaskan, CIDB sebagai pihak yang dipertanggungjawabkan menerusi Akta 520 dalam menjaga

kepentingan orang awam dan pengguna, memandang serius setiap insiden kemalangan di tapak bina dan akan meneruskan usaha-usaha untuk membawa mana-mana pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Beliau menggesa, semua kontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu projek pembinaan menjalankan tanggungjawab bagi memastikan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang ditetapkan.

"Perlu diingatkan bahawa semua pihak yang terlibat di dalam rangkaian pembinaan ini mempunyai tanggungjawab besar. Sekiranya berlaku kecuaiannya maka pihak yang terlibat boleh diambil tindakan mengikut peruntukan Akta 520," katanya.

Mengikut Seksyen 34D, mana-mana kontraktor yang melanggar kewajipannya di bawah perenggan 34B(1)(c), dan yang pelanggaran kewajipan itu menyebabkan kematian, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

Mansor Ahmad
Rakis Santa

mansor@cidb.gov.my
rakis@cidb.gov.my

012-386 4997 / 03-4047 7027
012-620 0360 / 03-4047 7021

#####